

# Kajian tentang Faktor Pemilihan Kursus Bahasa Mandarin dan Bahasa Sepanyol di Universiti Teknikal

*(A Study on the Factors Influencing the Selection of Mandarin and Spanish Language Courses at a Technical University)*

Tan Hua An<sup>1\*</sup>, Tan Tiam Lai<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Student Development Section, Malaysian Spanish Institute, Universiti Kuala Lumpur, Kulim, Kedah, Malaysia.

<sup>2</sup> Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [hatan@unikl.edu.my](mailto:hatan@unikl.edu.my)

Received: 27 April 2025 | Accepted: 27 May 2025 | Published: 30 June 2025

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2025.7.2.5>

---

**Abstrak:** Kajian ini mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kursus bahasa Mandarin dan bahasa Sepanyol dalam kalangan pelajar di Universiti Kuala Lumpur Malaysian Spanish Institute (UniKL MSI). Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui soal selidik yang melibatkan 100 orang pelajar. Sebanyak lapan faktor dianalisis, iaitu kerjaya masa depan, tujuan komunikasi, masa depan diri, minat, budaya, pelancongan, keperluan akademik dan pengaruh luar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor intrinsik seperti tujuan komunikasi, kerjaya masa depan dan masa depan diri merupakan pendorong utama, manakala faktor ekstrinsik seperti pengaruh rakan sebaya dan keluarga kurang mempengaruhi keputusan pemilihan kursus. Kajian ini mencadangkan agar pengajar menekankan aplikasi praktikal bahasa dalam pengajaran untuk memastikan kursus bahasa asing kekal relevan. Kajian lanjutan dengan melibatkan faktor demografi disarankan untuk memperoleh gambaran yang lebih menyeluruh.

**Kata Kunci:** Bahasa Mandarin, Bahasa Sepanyol, Universiti Teknikal

**Abstract:** This study identifies the factors influencing the selection of Mandarin and Spanish language courses among students at Universiti Kuala Lumpur Malaysian Spanish Institute (UniKL MSI). A qualitative approach was employed using a survey involving 100 students. Eight factors were analyzed: future career, communication purposes, personal future, interest, culture, tourism, academic requirements, and external influence. The findings indicate that intrinsic factors such as communication purposes, future career, and personal future are the main motivators, whereas extrinsic factors such as peer and family influence have a lesser impact on course selection. This study suggests that instructors emphasize the practical application of the language in teaching to ensure the continued relevance of foreign language courses. Further studies incorporating demographic factors are recommended to obtain a more comprehensive perspective.

**Keywords:** Mandarin Language, Spanish Language, Technical University

---

## 1. Pengenalan

Menurut Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) salah satu atribut utama bagi pelajar di peringkat pendidikan tinggi adalah kemahiran bahasa iaitu “mahir dalam bahasa Melayu dan Inggeris, dan teruja untuk mempelajari satu bahasa global tambahan”. Keupayaan bertutur dalam bahasa asing sememangnya satu kelebihan yang tidak dapat dinafikan. Menurut Zubairi dan Sarudin (2009), pembelajaran bahasa asing dalam pengajian tinggi negara adalah penting untuk membangunkan modal insan yang berdaya saing dengan keupayaan berkomunikasi silang budaya dan antarabangsa dapat dipupuk. Oleh itu, seseorang pelajar perlu dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan berkomunikasi menggunakan bahasa asing secara berkesan.

Sehubungan dengan itu, Universiti Kuala Lumpur (UniKL) berusaha melahirkan graduan yang berupaya bertutur sekurang-kurang satu bahasa asing agar lebih berdaya saing di persada antarabangsa. Justeru itu, pelbagai kursus bahasa asing ditawarkan di kampus UniKL. Kursus bahasa asing ini termasuk bahasa Arab, Itali, Korea, Perancis, Rusia, Sepanyol dan Mandarin. Ini menunjukkan komitmen UniKL dalam melengkapkan pelajar dengan kemahiran berbahasa asing yang relevan di peringkat global.

## 2. Pernyataan Masalah

Kajian ini memfokuskan kepada dua bahasa asing yang ditawarkan di Universiti Kuala Lumpur Malaysian Spanish Institute (UniKL MSI) iaitu bahasa Sepanyol dan bahasa Mandarin. Kedua-dua bahasa ini turut ditawarkan di beberapa universiti terkemuka di Malaysia seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), dan Universiti Malaya (UM) (Chong Shin & Doreen Ng Boon Sim, 2016). Bahasa Sepanyol merupakan bahasa dari benua Eropah manakala bahasa Mandarin berasal dari Asia Timur. Walaupun berasal dari benua yang berbeza, kedua-dua bahasa ini adalah antara enam bahasa rasmi yang diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan digunakan secara meluas dalam pelbagai persidangan PBB.

Menurut Liu (2008) pemilihan bahasa merupakan satu proses yang kompleks kerana dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meneliti faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar dalam memilih bahasa asing. Penelitian ini penting agar pengisian kursus bahasa asing dapat dikekalkan relevan dengan keperluan dan kehendak semasa

## 3. Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji dan menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kursus bahasa Sepanyol dan bahasa Mandarin dalam kalangan pelajar di UniKL MSI

## 4. Ulasan Kajian Lepas

Kajian lepas menunjukkan pelbagai faktor yang mempengaruhi pemilihan kursus bahasa asing dalam kalangan pelajar, khususnya bahasa Sepanyol dan bahasa Mandarin.

Kajian oleh Khong, Nurul Husna dan Norasrani (2017) mendapati bahawa pelajar sangat bermotivasi untuk mempelajari bahasa Sepanyol. Tiada perbezaan ketara ditemui antara motivasi integratif (faktor berkaitan bahasa itu sendiri, hubungan interpersonal dan budaya) dan motivasi instrumental (faktor kognitif, utilitarian dan keseronokan) berdasarkan jantina. Walau bagaimanapun, data kuantitatif dan kualitatif menunjukkan bahawa pelajar lebih

cenderung kepada motivasi instrumental, khususnya dalam kalangan pelajar perempuan. Pelajar menghargai bahasa serta budaya sasaran, di samping melihat manfaat praktikal mempelajari bahasa tersebut. Kajian ini menyokong dakwaan bahawa motivasi adalah berasaskan konteks dan menekankan pentingnya memahami motivasi pelajar di Malaysia untuk penambahbaikan kurikulum pengajaran bahasa asing.

Dalam konteks pemilihan bahasa Mandarin, kajian Ang (2008) mendapati bahawa nilai praktikal dan kelebihan dalam pencarian pekerjaan merupakan faktor utama yang mendorong pelajar mempelajari bahasa tersebut. Responden kajian beliau menyatakan bahawa penguasaan bahasa Mandarin memudahkan komunikasi dengan komuniti Cina dan meningkatkan daya saing semasa mencari pekerjaan. Sejarar dengan itu, kajian See dan Ching (2013) menunjukkan lebih daripada 70 peratus responden memilih bahasa Mandarin berbanding bahasa asing lain kerana nilai komersialnya yang tinggi, kegunaan meluas serta sebagai kelebihan tambahan semasa mencari pekerjaan.

Kajian See dan Arifuddin (2014) pula mendapati majoriti responden menunjukkan sikap positif terhadap kursus bahasa Mandarin, dengan keinginan untuk terus mempraktikkan dan mempelajari bahasa tersebut selepas tamat pengajian. Ini menunjukkan bahawa pelajar menyedari manfaat jangka panjang dalam penguasaan bahasa Mandarin. Kajian Tan et al. (2016) turut mengesahkan bahawa faktor seperti kerjaya masa depan, komunikasi, peribadi masa depan (*future self*), minat, persahabatan, pengaruh luaran, budaya, keperluan akademik dan pelancongan turut mempengaruhi keputusan pelajar dalam memilih bahasa Mandarin.

Dalam kajian Norlida Razali (2018), responden menunjukkan orientasi integratif dan instrumental yang positif, sekali gus memperlihatkan motivasi tinggi untuk mempelajari bahasa Mandarin. Mereka percaya penguasaan bahasa ini akan mendatangkan manfaat dan kelebihan pada masa hadapan khususnya memberi peluang yang lebih baik untuk mendapat pekerjaan.

Kajian Tan dan Tan (2021a) menyatakan majoriti responden memilih untuk mendaftar kursus bahasa Mandarin kerana faktor peningkatan daya saing dalam bidang kerjaya. Kajian susulan oleh Tan dan Tan (2021b) juga mendapati responden melihat bahasa Mandarin sebagai alat komunikasi penting dan memberikan kelebihan dalam dunia profesional. Responden yang didorong oleh motivasi integratif dan instrumental cenderung memiliki sikap positif dan minat mendalam terhadap pembelajaran bahasa ini.

Secara keseluruhan, pelajar dipengaruhi oleh faktor ekstrinsik dan intrinsik semasa memilih sesuatu bahasa asing. Namun begitu, faktor instrumental didapati lebih dominan dalam keputusan pemilihan bahasa asing dalam kalangan pelajar (Ang, 2008; See & Ching, 2013; Tan et al., 2016; Khong, Nurul Husna & Norasrani, 2017; Tan & Tan, 2021a; Tan & Tan, 2021b)

## 5. Metodologi

Reka bentuk kajian ini diubah suai daripada versi yang dibangunkan oleh Lam et al. (2020). Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah campuran yang merangkumi instrumen kuantitatif dan kualitatif, iaitu soal selidik dan temu bual. Kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) digunakan untuk memilih responden. Seramai 100 orang pelajar UniKL MSI di Kulim yang mendaftar kursus bahasa asing pada semester Februari 2023 dipilih sebagai responden. Daripada jumlah tersebut, 50 orang mengambil kursus Spanish 1 manakala 50 orang lagi mengambil kursus Mandarin 1. Untuk tujuan pengedaran soal selidik, dua kumpulan

*WhatsApp* dibentuk dan masing-masing mewakili pelajar Spanish 1 dan Mandarin 1. Soal selidik dalam bentuk *Google Forms* dihantar melalui pautan ke kedua-dua kumpulan tersebut. Borang soal selidik ini mengandungi satu bahagian yang memfokuskan kepada faktor pemilihan bahasa Sepanyol atau bahasa Mandarin. Terdapat lapan faktor utama yang dikaji, iaitu faktor kerjaya masa hadapan, faktor tujuan komunikasi, faktor masa depan diri, faktor minat, faktor budaya, faktor pelancongan, faktor keperluan akademik dan faktor pengaruh luar.

Selain itu, satu soalan terbuka disediakan bagi membolehkan responden menyatakan faktor lain yang mendorong mereka memilih kursus bahasa Sepanyol atau bahasa Mandarin selain daripada lapan faktor yang disenaraikan. Maklumat demografi seperti umur dan jantina tidak dikumpulkan memandangkan ia bukan fokus kajian ini. Kandungan soal selidik telah diubah suai berdasarkan instrumen oleh Lam et al. (2020).

Responden diminta menjawab soal selidik berdasarkan skala Likert lima matai aitu 1 (Sangat Tidak Setuju), 2 (Tidak Setuju), 3 (Tidak Pasti), 4 (Setuju) dan 5 (Sangat Setuju).

Tempoh selama sepuluh hari diberikan untuk melengkapkan soal selidik tersebut. Data yang diperoleh diproses menggunakan perisian SPSS untuk analisis kedua-dua bahasa yang dikaji. Dalam mentafsir nilai min, petunjuk skor min oleh Oxford (1990) telah diadaptasikan (Jadual 1) bagi menentukan tahap persetujuan responden terhadap faktor-faktor pemilihan kursus bahasa Sepanyol dan bahasa Mandarin.

Selepas pengumpulan data soal selidik, sepuluh orang responden daripada setiap kumpulan dipilih secara rawak untuk sesi temu bual. Temu bual ini bertujuan mengukuhkan dapatan soal selidik serta mendapatkan gambaran yang lebih mendalam mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kursus bahasa tersebut. Hanya satu soalan utama dikemukakan semasa temu bual, iaitu berkaitan sebab responden memilih bahasa Sepanyol atau bahasa Mandarin. Sesi temu bual dijalankan secara dalam talian menggunakan platform *Microsoft Teams*, dengan setiap sesi berlangsung kira-kira sepuluh minit.

Faktor-faktor dan item-item dalam soal selidik adalah seperti berikut.

- a) Faktor kerjaya masa hadapan
  - i. Peluang yang lebih baik untuk mendapatkan pekerjaan.
  - ii. Membantu dalam kerjaya pada masa hadapan.
  - iii. Memberi manfaat dari segi komunikasi di tempat kerja.
- b) Faktor tujuan komunikasi
  - i. Untuk berkomunikasi dengan orang yang berbahasa Mandarin/Sepanyol.
- c) Faktor masa depan diri
  - i. Ingin menambah pengetahuan tentang bahasa Mandarin/Sepanyol.
  - ii. Ingin menjadi seorang yang tahu akan banyak jenis bahasa.
  - iii. Belajar bahasa Mandarin/Sepanyol untuk melengkapkan diri demi masa hadapan.
- d) Faktor minat
  - i. Berminat dengan bahasa Mandarin/Sepanyol.
  - ii. Tertarik dengan ciri-ciri keunikan bahasa Mandarin/Sepanyol.
- e) Faktor budaya
  - i. Untuk memahami budaya Cina/Sepanyol.
- f) Faktor pelancongan
  - i. Berminat untuk melancong ke negara China/Sepanyol.
- g) Faktor keperluan akademik
  - i. Untuk memenuhi keperluan akademik yang ditetapkan.

- ii. Lebih senang untuk mendapat skor markah yang tinggi.
- h) Faktor pengaruh luar
  - i. Dipengaruhi oleh unsur hiburan seperti filem dan lagu bahasa Mandarin/Spanyol.
  - ii. Dipengaruhi oleh ahli keluarga.
  - iii. Dipengaruhi oleh rakan-rakan.
  - iv. Pertimbangan tentang potensi Bahasa Mandarin/Spanyol akan menjadi bahasa yang penting di dunia.

## 6. Dapatan Kajian

Data asal bagi kajian ini adalah data daripada instrumen soal selidik responden. Program SPSS versi 27.0 digunakan untuk menganalisis data. Dapatan analisis adalah seperti di bawah.

**Jadual 1: Bilangan Item Dalam Soal Selidik**

	Faktor	Bahasa Mandarin	Bahasa Sepanyol
		Bilangan Item	Bilangan Item
A	Faktor kerjaya masa hadapan	3	3
B	Faktor tujuan komunikasi	1	1
C	Faktor masa depan diri	3	3
D	Faktor minat	2	2
E	Faktor budaya	1	1
F	Faktor pelancongan	1	1
G	Faktor keperluan akademik	2	2
H	Faktor pengaruh luar	4	4

Jadual 1 menunjukkan bilangan item dalam soal selidik. Terdapat lapan faktor yang dikemukakan bagi kedua-dua kumpulan. Faktor kerjaya masa hadapan ada tiga item. Faktor tujuan komunikasi ada satu item. Faktor masa depan diri ada tiga item. Faktor minat ada dua item. Faktor budaya ada satu item. Faktor pelancongan ada satu item. Faktor keperluan akademik ada dua item. Faktor pengaruh luar ada empat item. Kedua-dua kumpulan mempunyai bilangan item yang sama bagi setiap faktor.

**Jadual 2: Pernyataan Item Bagi Setiap Faktor**

Faktor	No. Item	Pernyataan Item
Faktor kerjaya masa hadapan	1	Peluang yang lebih baik untuk mendapatkan pekerjaan.
	2	Membantu dalam kerjaya pada masa hadapan.
	3	Memberi manfaat dari segi komunikasi di tempat kerja.
Faktor tujuan komunikasi	1	Untuk berkomunikasi dengan orang yang berbahasa Mandarin/Spanyol.
Faktor masa depan diri	1	Ingin menambah pengetahuan tentang bahasa Mandarin/Spanyol.
	2	Ingin menjadi seorang yang tahu akan banyak jenis bahasa.
	3	Belajar bahasa Mandarin/Spanyol untuk melengkapkan diri demi masa hadapan.
Faktor minat	1	Berminat dengan bahasa Mandarin/Spanyol.
	2	Tertarik dengan ciri-ciri keunikan bahasa Mandarin/Spanyol.
Faktor budaya	1	Untuk memahami budaya Cina/Spanyol.
Faktor pelancongan	1	Berminat untuk melancong ke negara China/Spanyol.
Faktor keperluan akademik	1	Untuk memenuhi keperluan akademik yang ditetapkan.
	2	Lebih senang untuk mendapat skor markah yang tinggi.

<b>Faktor pengaruh luar</b>	1	Dipengaruhi oleh unsur hiburan seperti filem dan lagu bahasa Mandarin/Sepanyol.
	2	Dipengaruhi oleh ahli keluarga.
	3	Dipengaruhi oleh rakan-rakan.
	4	Pertimbangan tentang potensi Bahasa Mandarin/Sepanyol akan menjadi bahasa yang penting di dunia.

Jadual 2 menunjukkan pernyataan item bagi setiap faktor yang dikaji. Jumlah keseluruhan ialah 17 item. Kesemua pernyataan adalah sama bagi kedua-dua kumpulan.

**Jadual 3: Interpretasi Skor Min**

Interpretasi Skor Min	Nilai	Petunjuk
<b>Tinggi</b>	4.5 – 5.0	Sangat setuju
	3.5 – 4.4	Setuju
<b>Pertengahan</b>	2.5 – 3.4	Tidak pasti
	1.5 – 2.4	Tidak setuju
<b>Rendah</b>	1.0 – 1.4	Sangat tidak setuju

Petunjuk skor min oleh Oxford (1990) diadaptasikan untuk interpretasi skor min seperti yang ditunjukkan di Jadual 3.

**Jadual 4: Kekerapan dan Min Keseluruhan Faktor Kerjaya Masa Hadapan**

No Item	Faktor Kerjaya Masa Hadapan	Bahasa Mandarin					Bahasa Sepanyol				
		Kekerapan					Kekerapan				
		1	2	3	4	5	1	2	3	4	5
1	Peluang yang lebih baik untuk mendapatkan pekerjaan.	0	0	2	19	29	1	5	19	19	6
2	Membantu dalam kerjaya pada masa hadapan.	0	0	4	20	26	0	5	19	18	8
3	Memberi manfaat dari segi komunikasi di tempat kerja.	0	0	1	17	31	0	7	20	14	9
<b>Min Keseluruhan</b>		<b>4.5133 (Tinggi)</b>					<b>3.52 (Tinggi)</b>				

Merujuk kepada Jadual 4, bagi kumpulan pelajar yang memilih kursus bahasa Mandarin: Item 1: Seramai 29 responden (58%) sangat setuju, 19 responden (38%) setuju, dan 2 responden (4%) tidak pasti, tiada responden yang memilih tidak setuju atau sangat tidak setuju.

Item 2: Seramai 26 responden (52%) sangat setuju, 20 responden (40%) setuju, 4 responden (8%) tidak pasti.

Item 3: Seramai 31 responden (62%) sangat setuju, 17 responden (34%) setuju, manakala 1 responden (2%) tidak pasti, tiada responden yang memilih jawapan negatif.

Min keseluruhan bagi faktor kerjaya masa hadapan ialah 4.5133, yang menunjukkan tahap persetujuan yang sangat tinggi. Dapatan ini jelas memperlihatkan bahawa majoriti pelajar mengambil kursus bahasa Mandarin kerana mereka percaya penguasaan bahasa tersebut dapat meningkatkan peluang kerjaya masa depan. Hal ini selaras dengan dapatan kajian Tan dan Tan (2021a) yang menyatakan bahawa kebanyakan pelajar memilih bahasa Mandarin untuk memperkukuh daya saing dalam bidang pekerjaan.

Bagi kumpulan pelajar yang memilih kursus bahasa Sepanyol:

Item 1: Seramai 6 responden (12%) sangat setuju, 19 responden (38%) setuju, 19 responden (38%) tidak pasti, 5 responden (10%) tidak setuju, dan 1 responden (2%) sangat tidak setuju.

Item 2: Seramai 8 responden (16%) sangat setuju, 18 responden (36%) setuju, 19 responden (38%) tidak pasti, 5 responden (10%) tidak setuju, dan tiada responden yang sangat tidak setuju.

Item 3: Seramai 9 responden (18%) sangat setuju, 14 responden (28%) setuju, 20 responden (40%) tidak pasti, 7 responden (14%) tidak setuju, dan tiada responden yang sangat tidak setuju.

Min keseluruhan bagi faktor kerjaya masa hadapan ialah 3.52 yang menunjukkan tahap persetujuan sederhana. Dapatan ini mencerminkan bahawa pelajar percaya mempelajari bahasa Sepanyol dapat membantu dalam kerjaya masa depan, namun sebilangan besar responden masih tidak pasti akan manfaat tersebut.

Perbezaan ini mungkin disebabkan oleh penggunaan bahasa Mandarin yang lebih meluas dalam sektor perniagaan serantau dan memandangkan peranan ekonomi China yang semakin dominan. Situasi ini adalah amat berbeza dengan penggunaan bahasa Sepanyol yang tidak seluas di sektor perniagaan serantau ini. Selain itu, faktor persepsi terhadap permintaan industri tempatan juga boleh mempengaruhi kecenderungan pelajar.

**Jadual 5: Kekerapan dan Min Keseluruhan Faktor Tujuan Komunikasi**

No Item	Faktor Tujuan Komunikasi	Bahasa Mandarin					Bahasa Sepanyol				
		Kekerapan					Kekerapan				
		1	2	3	4	5	1	2	3	4	5
1	Untuk berkomunikasi dengan orang yang berbahasa Mandarin/Sepanyol.	0	0	3	14	33	1	1	5	11	32
<b>Min Keseluruhan</b>		<b>4.60 (Tinggi)</b>					<b>4.44 (Tinggi)</b>				

Merujuk kepada Jadual 5, bagi kumpulan pelajar yang memilih kursus bahasa Mandarin:

Item 1: Seramai 33 responden (66%) sangat setuju, 14 responden (28%) setuju, dan 3 responden (6%) tidak pasti. Tiada responden yang memilih tidak setuju atau sangat tidak setuju.

Min keseluruhan bagi faktor tujuan komunikasi ialah 4.60 yang menunjukkan tahap persetujuan yang sangat tinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar mengambil kursus bahasa Mandarin kerana mereka percaya penguasaan bahasa tersebut dapat memudahkan komunikasi, terutamanya dengan komuniti berbahasa Mandarin. Hal ini sejajar dengan kajian Ang (2008) yang mendapati bahawa pelajar menganggap bahasa Mandarin sebagai alat komunikasi penting dalam persekitaran berbilang kaum di Malaysia.

Merujuk kepada Jadual 5, bagi kumpulan pelajar yang memilih kursus bahasa Sepanyol:

Item 1: Seramai 32 responden (64%) sangat setuju, 11 responden (22%) setuju, 5 responden (10%) tidak pasti, 1 responden (2%) tidak setuju, dan 1 responden (2%) sangat tidak setuju.

Min keseluruhan bagi faktor tujuan komunikasi ialah 4.44 yang menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa sebahagian besar pelajar memilih

kursus bahasa Sepanyol kerana mereka percaya penguasaan bahasa tersebut dapat memudahkan komunikasi, terutamanya dalam konteks pelancongan, hubungan antarabangsa, atau minat terhadap budaya Hispanik. Namun begitu, min yang tinggi masih menunjukkan bahawa tujuan komunikasi tetap menjadi faktor pendorong utama dalam pemilihan bahasa Sepanyol.

**Jadual 6: Kekerapan dan Min Keseluruhan Faktor Masa Depan Diri**

No Item	Faktor Masa Depan Diri	Bahasa Mandarin					Bahasa Sepanyol				
		Kekerapan					Kekerapan				
		1	2	3	4	5	1	2	3	4	5
1	Ingin menambah pengetahuan tentang bahasa Mandarin/Sepanyol.	0	0	2	14	34	0	2	1	19	28
2	Ingin menjadi seorang yang tahu akan banyak jenis bahasa.	0	0	3	16	31	0	2	6	15	27
3	Belajar bahasa Mandarin/Sepanyol untuk melengkapkan diri demi masa hadapan.	0	0	7	26	17	1	2	14	18	15
<b>Min Keseluruhan</b>		<b>4.4667 (Tinggi)</b>					<b>4.2267 (Tinggi)</b>				

Merujuk kepada Jadual 6, faktor masa depan diri, bagi kumpulan pelajar yang memilih kursus bahasa Mandarin:

Item 1: Seramai 34 responden (68%) sangat setuju, 14 responden (28%) setuju, 2 responden (4%) tidak pasti, dan tiada responden yang memilih tidak setuju atau sangat tidak setuju.

Item 2: Seramai 31 responden (62%) sangat setuju, 16 responden (32%) setuju, 3 responden (6%) tidak pasti, tanpa sebarang responden yang tidak setuju atau sangat tidak setuju.

Item 3: Seramai 17 responden (34%) sangat setuju, 26 responden (52%) setuju, 7 responden (14%) tidak pasti, dan tiada responden yang memilih tidak setuju atau sangat tidak setuju.

Min keseluruhan bagi faktor masa depan diri ialah 4.4667 yang menunjukkan tahap persetujuan yang sangat tinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar berpendapat bahawa penguasaan bahasa Mandarin dapat memberikan manfaat besar kepada masa depan diri mereka, terutamanya dari segi peluang kerjaya, pembangunan diri, dan daya saing global.

Merujuk kepada Jadual 6, bagi kumpulan pelajar yang memilih kursus bahasa Sepanyol:

Item 1: Seramai 28 responden (56%) sangat setuju, 19 responden (38%) setuju, 1 responden (2%) tidak pasti, 2 responden (4%) tidak setuju, dan tiada responden yang memilih sangat tidak setuju.

Item 2: Seramai 27 responden (54%) sangat setuju, 15 responden (30%) setuju, 6 responden (12%) tidak pasti, 2 responden (4%) tidak setuju, tanpa responden yang memilih sangat tidak setuju.

Item 3: Seramai 15 responden (30%) sangat setuju, 18 responden (36%) setuju, 14 responden (28%) tidak pasti, 2 responden (4%) tidak setuju, dan tiada responden yang memilih sangat tidak setuju.

Min keseluruhan bagi faktor masa depan diri ialah 4.2267 yang menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa sebahagian besar pelajar memilih kursus bahasa

Sepanyol kerana mereka percaya penguasaan bahasa ini dapat memberikan manfaat jangka panjang kepada diri mereka, terutamanya dalam peluang kerjaya dan pengembangan diri.

**Jadual 7: Kekerapan dan Min Keseluruhan Faktor Minat**

No Item	Faktor Minat	Bahasa Mandarin					Bahasa Sepanyol				
		Kekerapan					Kekerapan				
		1	2	3	4	5	1	2	3	4	5
1	Berminat dengan bahasa Mandarin/Sepanyol.	0	0	1	19	30	0	3	16	13	18
2	Tertarik dengan ciri-ciri keunikan bahasa Mandarin/Sepanyol.	0	0	5	20	25	0	3	16	11	20
<b>Min Keseluruhan</b>		<b>4.49 (Tinggi)</b>					<b>3.94 (Tinggi)</b>				

Merujuk kepada Jadual 7, faktor minat, bagi kumpulan pelajar yang memilih kursus bahasa Mandarin:

Item 1: Seramai 30 responden (60%) sangat setuju, 19 responden (38%) setuju, 1 responden (2%) tidak pasti, dan tiada responden yang memilih tidak setuju atau sangat tidak setuju.

Item 2: Seramai 25 responden (50%) sangat setuju, 20 responden (40%) setuju, 5 responden (10%) tidak pasti, tanpa sebarang responden yang memilih tidak setuju atau sangat tidak setuju.

Min keseluruhan bagi faktor minat ialah 4.49 yang menunjukkan tahap persetujuan yang sangat tinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa minat merupakan pemangkin utama dalam pemilihan kursus bahasa Mandarin dalam kalangan pelajar. Sebilangan besar responden berasa tertarik dengan bahasa dan budaya Cina, yang mungkin dipengaruhi oleh pendedahan melalui media, makanan, muzik, drama, atau hubungan sosial dengan komuniti berbahasa Mandarin.

Merujuk kepada Jadual 7, faktor minat, bagi kumpulan pelajar yang memilih kursus bahasa Sepanyol:

Item 1: Seramai 18 responden (36%) sangat setuju, 13 responden (26%) setuju, 16 responden (32%) tidak pasti, 3 responden (6%) tidak setuju, dan tiada responden yang memilih sangat tidak setuju.

Item 2: Seramai 20 responden (40%) sangat setuju, 11 responden (22%) setuju, 16 responden (32%) tidak pasti, 3 responden (6%) tidak setuju, tanpa responden yang memilih sangat tidak setuju.

Min keseluruhan bagi faktor minat ialah 3.94. Ini menunjukkan tahap persetujuan yang lebih sederhana berbanding dengan kumpulan yang memilih bahasa Mandarin. Dapatan ini menunjukkan bahawa minat masih menjadi faktor penting dalam pemilihan kursus bahasa Sepanyol, namun tidak sekuat minatnya terhadap bahasa Mandarin dalam kalangan pelajar yang dikaji.

**Jadual 8: Kekerapan dan Min Keseluruhan Faktor Budaya**

No Item	Faktor Budaya	Bahasa Mandarin					Bahasa Sepanyol				
		Kekerapan					Kekerapan				
		1	2	3	4	5	1	2	3	4	5
1	Untuk memahami budaya Cina/Sepanyol.	0	2	9	21	18	0	5	16	16	13
<b>Min Keseluruhan</b>		<b>4.10 (Tinggi)</b>					<b>3.74 (Tinggi)</b>				

Merujuk kepada Jadual 8, faktor budaya, bagi kumpulan pelajar yang memilih kursus bahasa Mandarin:

Item 1: Seramai 18 responden (36%) sangat setuju, 21 responden (42%) setuju, 9 responden (18%) tidak pasti, 2 responden (4%) tidak setuju, dan tiada responden yang memilih sangat tidak setuju.

Min keseluruhan bagi faktor budaya ialah 4.10. Ini menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi dalam kalangan pelajar terhadap pengaruh budaya sebagai faktor pemilihan kursus bahasa Mandarin.

Kepelbagaian budaya Cina seperti perayaan, makanan, seni, filem, muzik, dan sejarah menjadi daya tarikan utama yang mendorong pelajar memilih untuk mempelajari bahasa ini. Minat terhadap budaya Cina juga boleh dikaitkan dengan pengaruh globalisasi yang telah memperkenalkan elemen budaya tersebut melalui media sosial, drama, dan hiburan Asia yang semakin popular.

Merujuk kepada Jadual 8, faktor budaya, bagi kumpulan pelajar yang memilih kursus bahasa Sepanyol:

Item 1: Seramai 13 responden (26%) sangat setuju, 16 responden (32%) setuju, 16 responden (32%) tidak pasti, 5 responden (10%) tidak setuju, dan tiada responden yang memilih sangat tidak setuju.

Min keseluruhan bagi faktor budaya ialah 3.74. Ini menunjukkan tahap persetujuan yang sederhana dalam kalangan pelajar terhadap pengaruh budaya sebagai faktor pemilihan kursus bahasa Sepanyol. Ini mencerminkan sebahagian pelajar tidak menjadikan budaya sebagai faktor utama dalam pemilihan kursus.

**Jadual 9: Kekerapan dan Min Keseluruhan Faktor Pelancongan**

No Item	Faktor Pelancongan	Bahasa Mandarin					Bahasa Sepanyol				
		Kekerapan					Kekerapan				
		1	2	3	4	5	1	2	3	4	5
1	Berminat untuk melancong ke negara China/Sepanyol.	0	5	16	13	16	1	1	10	15	23
<b>Min Keseluruhan</b>		<b>3.80 (Tinggi)</b>					<b>4.16 (Tinggi)</b>				

Merujuk kepada Jadual 9, faktor pelancongan, bagi kumpulan pelajar yang memilih kursus bahasa Mandarin:

Item 1: Seramai 16 responden (32%) sangat setuju, 13 responden (26%) setuju, 16 responden (32%) tidak pasti, 5 responden (10%) tidak setuju, dan tiada responden yang memilih sangat tidak setuju.

Min keseluruhan bagi faktor pelancongan ialah 3.80. Ini menunjukkan tahap persetujuan yang sederhana terhadap pelancongan sebagai faktor pemilihan kursus bahasa Mandarin. Penguasaan bahasa ini dianggap memudahkan komunikasi dengan penduduk tempatan, memahami budaya setempat dan sekaligus mendapat pengalaman pelancongan lebih bermakna.

Merujuk kepada Jadual 9, bagi kumpulan pelajar yang memilih kursus bahasa Sepanyol: Item 1: Seramai 23 responden (46%) sangat setuju, 15 responden (30%) setuju, 10 responden (20%) tidak pasti, 1 responden (2%) tidak setuju, dan 1 responden (2%) sangat tidak setuju. Min keseluruhan bagi faktor pelancongan ialah 4.16. Ini menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi terhadap pelancongan sebagai faktor pemilihan kursus bahasa Sepanyol.

Penguasaan bahasa Sepanyol sangat membantu semasa melancong ke negara-negara berbahasa Sepanyol seperti Sepanyol, Mexico dan Argentina. Bahasa Sepanyol merupakan bahasa rasmi di lebih daripada 20 negara akan memberikan kelebihan kepada pelajar semasa berkomunikasi dengan penduduk tempatan, memahami budaya setempat dan sekaligus menjadikan pengalaman pelancongan lebih bermakna.

**Jadual 10: Kekerapan dan Min Keseluruhan Faktor Keperluan Akademik**

No Item	Faktor Keperluan Akademik	Bahasa Mandarin					Bahasa Sepanyol				
		Kekerapan					Kekerapan				
		1	2	3	4	5	1	2	3	4	5
1	Untuk memenuhi keperluan akademik yang ditetapkan.	1	6	7	21	15	4	5	6	19	16
2	Lebih senang untuk mendapat skor markah yang tinggi.	1	7	13	15	14	3	6	19	15	7
Min Keseluruhan		<b>3.77 (Tinggi)</b>					<b>3.55 (Tinggi)</b>				

Merujuk kepada Jadual 10, faktor keperluan akademik bagi kumpulan pelajar yang memilih kursus bahasa Mandarin:

Bagi Item 1, 15 responden (30%) sangat setuju, 21 responden (42%) setuju, 7 responden (14%) tidak pasti, 6 responden (12%) tidak setuju, 1 responden (2%) sangat tidak setuju.

Bagi Item 2, 14 responden (28%) sangat setuju, 15 responden (30%) setuju, 13 responden (26%) tidak pasti, 7 responden (14%) tidak setuju, 1 responden (2%) sangat tidak setuju.

Min keseluruhan bagi faktor keperluan akademik ialah 3.77. Ini menunjukkan tahap persetujuan yang sederhana tinggi terhadap keperluan akademik sebagai faktor pemilihan kursus bahasa Mandarin.

Merujuk pada Jadual 10, faktor keperluan akademik, bagi kumpulan yang memilih bahasa Sepanyol :

Item 1 menunjukkan 16 responden (32%) sangat setuju, 19 responden (38%) setuju, 6 responden (12%) tidak pasti, 5 responden (10%) tidak setuju, dan 4 responden (8%) sangat tidak setuju.

Item 2 menunjukkan 7 responden (14%) sangat setuju, 15 responden (30%) setuju, 19 responden (38%) tidak pasti, 6 responden (12%) tidak setuju, dan 3 responden (6%) sangat tidak setuju.

Min keseluruhan ialah 3.55. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden bersetuju bahawa keperluan akademik merupakan salah satu faktor pemilihan kursus bahasa Sepanyol, namun terdapat sebilangan responden yang tidak pasti dan tidak bersetuju.

**Jadual 11: Kekerapan dan Min Keseluruhan Faktor Pengaruh Luar**

No Item	Faktor Pengaruh Luar	Bahasa Mandarin					Bahasa Sepanyol				
		Kekerapan					Kekerapan				
		1	2	3	4	5	1	2	3	4	5
1	Dipengaruhi oleh unsur hiburan seperti filem dan lagu bahasa Mandarin/Sepanyol.	3	5	11	11	20	2	11	15	12	10
2	Dipengaruhi oleh ahli keluarga.	7	7	14	10	12	11	21	11	5	2
3	Dipengaruhi oleh rakan-rakan.	2	4	10	17	17	12	12	17	5	4
4	Pertimbangan tentang potensi Bahasa Mandarin/Sepanyol akan menjadi bahasa yang penting di dunia.	1	2	10	21	16	2	12	22	8	6
<b>Min Keseluruhan</b>		<b>3.725 (Tinggi)</b>					<b>2.82 (Pertengahan)</b>				

Merujuk pada Jadual 11, faktor pengaruh luar, bagi kumpulan yang memilih bahasa Mandarin :

Item 1 menunjukkan bahawa 20 responden (40%) sangat setuju, 11 responden (22%) setuju, 11 responden (22%) tidak pasti, 5 responden (10%) tidak setuju, dan 3 responden (6%) sangat tidak setuju. Ini menunjukkan bahawa sebanyak 62% responden bersetuju bahawa dorongan daripada rakan-rakan merupakan salah satu faktor pemilihan kursus bahasa Mandarin. Namun, terdapat juga 22% responden yang tidak pasti dan 16% yang tidak bersetuju. Ini menunjukkan bahawa pengaruh rakan tidaklah seragam bagi semua pelajar.

Item 2 pula menunjukkan bahawa 12 responden (24%) sangat setuju, 10 responden (20%) setuju, 14 responden (28%) tidak pasti, 7 responden (14%) tidak setuju, dan 7 responden (14%) sangat tidak setuju. Walaupun 44% responden menyatakan persetujuan terhadap pengaruh keluarga dalam pemilihan kursus ini, tetapi 28% masih tidak pasti dan 28% tidak bersetuju. Ini menunjukkan bahawa pengaruh keluarga mungkin tidak begitu dominan bagi sebilangan besar responden.

Item 3 menunjukkan bahawa 17 responden (34%) sangat setuju, 17 responden (34%) setuju, 10 responden (20%) tidak pasti, 4 responden (8%) tidak setuju, dan 2 responden (4%) sangat tidak setuju. Ini menunjukkan bahawa sebanyak 68% responden dipengaruhi oleh pensyarah dalam pemilihan kursus bahasa Mandarin. Pengaruh pensyarah adalah faktor pengaruh luar yang paling kuat bagi majoriti responden. Namun, terdapat 20% yang tidak pasti, mungkin kerana mereka merasakan keputusan mereka lebih dipengaruhi oleh faktor lain.

Item 4 pula menunjukkan bahawa 16 responden (32%) sangat setuju, 21 responden (42%) setuju, 10 responden (20%) tidak pasti, 2 responden (4%) tidak setuju, dan 1 responden (2%) sangat tidak setuju. Ini menunjukkan bahawa sebanyak 74% responden bersetuju bahawa media sosial memberi pengaruh dalam pemilihan kursus bahasa Mandarin. Ini menjelaskan

bahawa pendedahan maklumat tentang bahasa Mandarin di platform digital turut memainkan peranan penting.

Min keseluruhan ialah 3.715. Ini menunjukkan bahawa secara keseluruhan, pengaruh luar seperti rakan-rakan, pensyarah, keluarga, dan media sosial turut memainkan peranan yang penting dalam keputusan pemilihan kursus bahasa Mandarin dalam kalangan pelajar UniKL MSI.

Merujuk pada Jadual 11, faktor pengaruh luar, bagi kumpulan yang memilih bahasa Sepanyol :

Item 1 menunjukkan bahawa 10 responden (20%) sangat setuju, 12 responden (24%) setuju, 15 responden (30%) tidak pasti, 11 responden (22%) tidak setuju, dan 2 responden (4%) sangat tidak setuju. Sebanyak 44% responden bersetuju bahawa rakan-rakan mempengaruhi mereka untuk memilih kursus bahasa Sepanyol. Namun, 30% tidak pasti dan 26% tidak bersetuju telah menunjukkan bahawa pengaruh rakan agak sederhana dalam keputusan pemilihan bahasa Sepanyol.

Item 2 pula menunjukkan bahawa 2 responden (4%) sangat setuju, 5 responden (10%) setuju, 11 responden (22%) tidak pasti, 21 responden (42%) tidak setuju, dan 11 responden (22%) sangat tidak setuju. Hanya 14% responden yang bersetuju bahawa keluarga mempengaruhi keputusan mereka, manakala majoriti 64% tidak bersetuju. Ini menunjukkan bahawa pengaruh keluarga sangat rendah dalam pemilihan kursus bahasa Sepanyol.

Item 3 menunjukkan bahawa 4 responden (8%) sangat setuju, 5 responden (10%) setuju, 17 responden (34%) tidak pasti, 12 responden (24%) tidak setuju, dan 12 responden (24%) sangat tidak setuju. Sebanyak 18% responden bersetuju bahawa pensyarah memberi pengaruh terhadap keputusan mereka, tetapi terdapat 48% tidak bersetuju dan 34% tidak pasti. Ini menunjukkan bahawa pensyarah bukanlah faktor utama dalam mempengaruhi pemilihan bahasa Sepanyol dalam kalangan pelajar.

Item 4 pula menunjukkan bahawa 6 responden (12%) sangat setuju, 8 responden (16%) setuju, 22 responden (44%) tidak pasti, 12 responden (24%) tidak setuju, dan 2 responden (4%) sangat tidak setuju. Walaupun terdapat 28% responden yang bersetuju bahawa media sosial memberi pengaruh, namun 44% tidak pasti dan 28% tidak bersetuju telah menunjukkan bahawa pengaruh media sosial terhadap pemilihan bahasa Sepanyol adalah lemah.

Min keseluruhan ialah 2.82. Ini menunjukkan bahawa faktor pengaruh luar secara keseluruhan tidak begitu mempengaruhi keputusan pelajar dalam memilih kursus bahasa Sepanyol. Item berkaitan pengaruh rakan-rakan mencatatkan peratusan persetujuan tertinggi (44%) berbanding dengan pengaruh keluarga, pensyarah dan media sosial. Namun, majoriti responden menunjukkan ketidakpastian dan ketidaksetujuan terhadap pengaruh luar, terutamanya bagi pengaruh keluarga dan pensyarah. Hal ini mungkin disebabkan oleh keputusan pelajar yang lebih berasaskan minat peribadi atau keperluan akademik daripada dipengaruhi oleh pihak luar.

**Jadual 12: Min Keseluruhan Bagi Setiap Faktor**

Faktor	Bahasa Mandarin			Bahasa Sepanyol		
	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Kerjaya masa depan	4.5133	0.46759	Tinggi	3.52	0.80576	Tinggi
Tujuan komunikasi	4.60	0.606	Tinggi	4.44	0.907	Tinggi
Masa depan diri	4.4667	0.49027	Tinggi	4.2267	0.71726	Tinggi
Minat	4.49	0.57579	Tinggi	3.94	0.94567	Tinggi
Budaya	4.10	0.839	Tinggi	3.74	0.965	Tinggi
Pelancongan	3.80	1.01	Tinggi	4.16	0.955	Tinggi
Keperluan akademik	3.77	0.97001	Tinggi	3.55	1.051	Tinggi
Pengaruh luar	3.725	0.89962	Tinggi	2.82	0.81916	Pertengahan

Secara keseluruhan, pelajar yang memilih kursus bahasa Mandarin lebih dipengaruhi oleh faktor komunikasi (min = 4.60), diikuti dengan faktor kerjaya masa hadapan (min = 4.5133), faktor masa depan diri (min = 4.4667), faktor minat (min = 4.49), faktor budaya (min = 4.10), faktor pelancongan (min = 3.80) faktor keperluan akademik (min = 3.77), faktor dan diakhiri dengan faktor pengaruh luar (min = 3.725). Ini menunjukkan bahawa pelajar mengambil kursus bahasa Mandarin untuk memudahkan komunikasi dalam komuniti yang berbahasa Mandarin khususnya dalam kehidupan seharian di tempat kediaman atau tempat pekerjaan.

Bagi pelajar yang memilih kursus bahasa Sepanyol, faktor tujuan komunikasi (min = 4.44), merupakan pengaruh utama, diikuti oleh faktor masa depan diri (4.2267), faktor pelancongan (min = 4.16), faktor minat (min = 3.94), faktor budaya (min = 3.74), faktor keperluan akademik (min = 3.55), faktor kerjaya masa depan (min = 3.52) dan diakhiri dengan faktor pengaruh luar (min = 2.82). Ini menunjukkan bahawa pelajar percaya penguasaan bahasa Sepanyol dapat memberi manfaat pada masa depan khususnya dalam bidang kerjaya, selain membantu dalam komunikasi.

Dalam kedua-dua kumpulan, faktor pengaruh luar mencatatkan min paling rendah. Ini menunjukkan bahawa pelajar kurang dipengaruhi oleh pihak luar seperti keluarga atau rakan-rakan dalam membuat keputusan untuk memilih kursus bahasa asing. Sebaliknya, pemilihan kursus lebih banyak dipengaruhi oleh faktor dalaman seperti keperluan kerjaya dan perancangan masa depan.

## 7. Kesimpulan

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kursus bahasa Mandarin dan bahasa Sepanyol dalam kalangan pelajar UniKL MSI di Kulim. Berdasarkan analisis dapatan kajian, didapati bahawa kedua-dua kumpulan pelajar lebih dipengaruhi oleh faktor intrinsik berbanding faktor ekstrinsik dalam pemilihan kursus bahasa asing.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini memperlihatkan faktor intrinsik seperti tujuan komunikasi, kerjaya masa depan dan masa depan diri merupakan pemangkin utama dalam pemilihan kursus bahasa asing. Faktor ekstrinsik seperti pengaruh luar kurang memberi kesan kepada pelajar.

Justeru itu, penekanan terhadap aplikasi praktikal bahasa dalam situasi kehidupan harian harus diberi penekanan agar kursus bahasa asing kekal relevan dan berkesan kepada pelajar.

## Rujukan

- Ang, L.H. (2008). *Malaixiya Botela Daxue Fei Huayi Sheng Hanyu Xuexi Qingkuang Diaocha Yu Fenxi*. Haiwai Huawen Jiaoyu. Vol.1, 65-70.
- Chen, C.L. (2013). *Duiwai Hanyu Jiaoxue Gailun*. Shanghai: Fudan Press.
- Chong, S. & Doreen Ng B.S. (2016). Penawaran Kursus Bahasa Asing di Universiti: Meninjau Pemilihannya dari Perspektif Nilai Ekonomi. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 4(1), 85 – 91.
- Hoe, F.T. (2014). A Study of Malaysian National Universities Mandarin Course Teaching Materials. *Overseas Chinese Education*, No. 1.
- Jiang, L.P. (2008). *Duiwai Hanyu Jiaoxue Lun*. Beijing: Beijing Language and Culture University Press.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2015). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)*. Akses: <https://www.mohe.gov.my/en/download/publications-journals-and-reports/pppm-2015-2025-pt>
- Khong, H.K., Nurul Husna Hassan & Norasrani Ramli (2017). Motivation and gender differences in learning Spanish as a foreign language in a Malaysian technical university. *Malaysian Journal of Learning and Instruction (MJLI)*, 14 (2), 59-83.
- Lam, K.C., Nur Athirah Suib, Hoe, F.T. & Wee, S.P. (2020). Faktor Pemilihan Kursus Bahasa Cina dan Bahasa Jepun: Satu Kajian Perbandingan. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB)*. Bil. 31 (1), 153-176.
- Liu, H. J. (2008). A study of the interrelationship between listening strategy use, listening proficiency levels, and learning style. *Annual Review of Education, Communication & Language Sciences*, 5, 84–104.
- Liu, X. (2000). *Duiwai Hanyu Jiaoyu Xue Yin Lun*. Beijing: Beijing Language and Culture University Press.
- Norlida Razali. (2018). Kajian Sikap Dan Persepsi Terhadap Pembelajaran Bahasa Mandarin Dalam Kalangan Pelajar UiTM Kelantan. *ESTEEM Journal of Social Sciences and Humanities*, Vol. 2, 54-69.
- Oxford, R. L. (1990). Language learning strategies and beyond: A look at strategies in the context of styles. *Shifting the Instructional Focus to the Learner*, 35–55.
- See, S.Y., & Arifuddin A. (2014). Learners' Attitudes, Perceptions, and Efforts Towards Mandarin as a Foreign Language Course. *Researchers World - Journal of Arts, Science & Commerce*, Vol. V, Issue 4, 38-47.
- See, S.Y., & Ching, T.H. (2013). Mandarin as the Chosen Foreign Language Course Among Learners of Foreign Languages: A Case Study. *Researchers World - Journal of Arts, Science & Commerce*, Vol. IV, Issue 3(1), 80–88.
- Tan, H.A. & Tan, T.L. (2021a). Kajian Situasi Pembelajaran Bahasa Mandarin Sebagai Bahasa Asing Dalam Kalangan Pelajar Universiti Teknikal. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3 (2), 334-343.
- Tan, H.A. & Tan, T.L. (2021b). Sikap Dan Persepsi Pelajar Terhadap Pembelajaran Bahasa Mandarin Sebagai Bahasa Asing Di Universiti Teknikal. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3 (3), 450-460.
- Tan, T.G., Ismail, H.N., Hoe, F.T., & Ho, C.C. (2016). The Motivation of Undergraduates Learning Mandarin as a Foreign Language. *e-Academia Journal UiTMT*, 5(1), 1–11.
- Zubairi, A. M., Sarudin, I., & Nordin, M. S. (2007). A study of the effectiveness of foreign language programs in Malaysia. *Proceedings in the 32nd Annual Congress of the Applied Linguistics Association of Australia, Making a Difference: Challenges for Applied Linguistics*, University of Wollongong, 1–3 July 2007.



- Zhao, J.M. (2014). *Duiwai Hanyu Jiaoxue Gailun*. Beijing: The Commercial Press.
- Zhou, X.B. (2017). *Duiwai Hanyu Jiaoxue Rumu* (3<sup>rd</sup> Edition). Guangzhou: Sun Yat-Sen University Press.